

03/07/2003

Sistem meritokrasi kekal untuk IPTA

Norhafzan Jaafar

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan tetap meneruskan sistem meritokrasi dalam pengambilan kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan dan tidak akan kembali kepada sistem kuota.

Menterinya, Tan Sri Musa Muhamad menegaskan, kerajaan juga tidak boleh menggabungkan kedua-dua sistem itu hanya semata-mata kerana menjaga kepentingan sesetengah pihak.

"Bila kita mengamalkan sistem meritokrasi, mereka tidak boleh mempersoalkan lagi berapa ramai pelajar India, Melayu dan Cina yang akan diambil dan seumpamanya.

"Kerajaan tidak sekali-kali akan berbalik semula kepada sistem kuota kerana jika kita berbuat demikian, pelajar memenuhi merit akan mempertikai," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan kementerianya di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu yang berharap pelajar berketurunan India diberi 16 tempat untuk menuntut kursus perubatan di Universiti Malaya mulai tahun depan.

Katanya, langkah itu perlu kerana hanya ada seorang penuntut keturunan India yang ditawarkan kursus perubatan di universiti itu tahun ini berbanding 16 orang sebelumnya, walaupun ramai yang layak.

Musa bagaimanapun berkata, berdasarkan sistem meritokrasi, pemilihan pelajar untuk kemasukan ke sesebuah universiti adalah mengikut keutamaan pilihan pelajar sendiri sebelum mengambil kira kursus yang mereka pilih.

"Tapi kebanyakan pelajar tidak memilih Universiti Malaya. Sebaliknya, mereka memilih universiti baru seperti Universiti Malaysia Sabah yang mereka rasakan saingannya tidak terlalu kuat," katanya.

Musa juga berkata, Majlis Perubatan Malaysia (MMC) berhak untuk tidak memberi pengiktirafan terhadap ijazah mana-mana kolej perubatan yang tidak memenuhi keperluan tertentu seperti dikehendaki oleh badan profesional dalam bidang itu.

Katanya, setiap kolej atau institusi pengajian tinggi di negara ini perlu bekerjasama rapat dengan badan profesional berkaitan bidang masing-masing bagi memastikan kursus yang mereka tawarkan memenuhi standard.

"Malah IPTA tempatan juga perlu bekerjasama rapat dan mendapat penjelasan Kementerian Pendidikan serta badan profesional tertentu sebelum mewujudkan satu kursus atau fakulti baru," katanya.

MMC baru-baru ini tidak mengiktiraf ijazah dari Kolej Perubatan Melaka

-

Manipal serta mengenakan syarat tambahan menyebabkan beratus-ratus pelajarinya berada dalam dilema.

Berikutan itu, Samy Vellu memaklumkan perkara berkenaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pendidikan.

Musa berkata, soal itu bukan tanggungjawab Kementerian Pendidikan atau Lembaga Akreditasi Negara (LAN) tetapi MMC iaitu badan profesional di bawah Kementerian Kesihatan.

"Saya rasa menterinya, Datuk Chua (Jui Meng) akan menjelaskan perkara berkenaan," katanya sambil menambah, Kementerian bekerjasama rapat dengan

LAN dan MMC, yang memberi pengiktirafan kepada ijazah berkenaan.

Beliau berkata, sebagai badan profesional, MMC berhak untuk membuat keputusan termasuk meminta mereka menambahkan kursus yang perlu serta melanjutkan tempoh pengajian kursus berkaitan.

Kursus perubatan di kolej berkenaan mengambil masa empat setengah tahun sebelum pelajar terbabit dibenarkan menduduki peperiksaan akhir mereka sedangkan di universiti tempatan kursus yang sama mengambil masa selama lima tahun.